

Sambutan Bulan Kesedaran OKU Perak tekankan inklusiviti dan advokasi komuniti

Tanjong Malim, 20 November - Sambutan Bulan Kesedaran OKU Peringkat Negeri Perak 2025 yang berlangsung dari 3 November hingga 5 Disember diadakan bagi mengukuhkan kefahaman masyarakat terhadap hak, keperluan dan potensi golongan orang kurang upaya (OKU) di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, Datuk Salbiah Mohamed berkata sambutan kali ini bukan sekadar acara simbolik, tetapi melibatkan pelaksanaan program berimpak tinggi merangkumi pendidikan, advokasi dan penglibatan komuniti.

"Sambutan ini adalah usaha berterusan untuk memupuk masyarakat inklusif, penyayang dan saling menghormati," katanya ketika merasmikan program berkenaan di Dewan Muallim, Scholar's Suites, Kampus Sultan

Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), hari ini.

Beliau berkata kerjasama melibatkan Wanita Perak, Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM) Perak, Centre for Inclusive Research on Community and Disability (CIRCLE) UPSI serta agensi dan NGO lain membuktikan agenda inklusiviti adalah komitmen bersama, selaras aspirasi Perak Sejahtera. Antara pengisian utama ialah Bengkel Kemahiran Asas Bahasa Isyarat, Bengkel Asas Braille dan Program Sentuhan Istimewa: Kesenian Batik Clay OKU yang bertujuan meningkatkan pemahaman masyarakat serta memperkasakan potensi seni golongan OKU.

"Siri podcast advokasi "Nadi CIRCLE" turut dianjurkan bagi membincangkan hak dan cabaran komuniti OKU bersama tokoh serta pakar berkaitan.

"Selain itu, pada 22 November pula akan diadakan aktiviti Inclusive Run: Beyond Limits bagi meraikan kepelbagaian kebolehan dan menggalakkan penyertaan masyarakat umum bersama komuniti OKU.

Tambah beliau, bagi memastikan akses maklumat setara, khutbah Jumaat pada 5 Disember di Masjid Al-Mursyidin, UPSI akan disampaikan dengan bantuan Penterjemah Bahasa Isyarat. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, universiti itu komited menyokong agenda inklusif negeri melalui peranan CIRCLE UPSI sebagai pusat rujukan dan penyelidikan berkaitan komuniti rentan.

"CIRCLE berperanan menerjemahkan penyelidikan kepada latihan, intervensi dan inovasi yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat.

Beliau berkata kerjasama CIRCLE dengan badan industri dan universiti antarabangsa memastikan perkhidmatan dan model intervensi yang dibangunkan adalah setara amalan global.

"UPSI yakin CIRCLE mampu menjadi pusat rujukan inklusif negeri serta penyelaras latihan dan standard kualiti merentasi pelbagai agensi," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI lancar lima inisiatif cegah rasuah

Tanjong Malim, 20 November - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah melancarkan lima inisiatif utama bagi memperkukuh budaya integriti dan tadbir urus berasaskan ketelusan serta akauntabiliti dalam seluruh pentadbiran.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak, Datuk Ahmad Sabri Mohamed berkata, UPSI tampil sebagai institusi yang menegakkan integriti melalui pendekatan pencegahan yang bersifat sistemik. "Melalui pelancaran Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001:2025 (ABMS), Sistem My Audit Intrack

(MyAIT), Sistem Isytihar Harta UPSI (E-Harta), Sistem Pengurusan Bahan Kimia UPSI (ChemAlert) dan Modul Intervensi Antipenggunaan Seksual UPSI. "Usaha UPSI ini membuktikan bahawa integriti bukan slogan, tetapi langkah nyata yang dizahirkan melalui pelaksanaan sistem yang telus, berstruktur dan boleh diaudit," katanya di Dewan Tuanku Canselor, UPSI Kampus Sultan Azlan Shah di sini hari ini.

Terdahulu, beliau berucap pada majlis Sambutan Hari Integriti dan Hari Pengasasan SITC-MPSI-IPSI-UPSI sempena Perhimpunan Bulanan Edisi November 2025.

Wacana Sasterawan Negara Dato' Dr. Anwar Ridhwan Semarakkan Jiwa Bahasa dan Sastera di UPSI

Tanjong Malim, 16 November - Dewan SITC Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini menjadi medan wacana ilmu apabila Sasterawan Negara Dato' Dr. Anwar Ridhwan menyampaikan syarahan bertajuk "Peranan Bahasa dan Sastera dalam Pembentukan Budaya Nilai Tinggi."

Program anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun dan Pejabat Karang Mengarang UPSI ini telah dirasmikan oleh Profesor Dr. Suriani Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), manakala sesi wacana dikemudi oleh Profesor Dr. Azhar Wahid sebagai moderator. Dalam wacana tersebut, Dato' Dr. Anwar menegaskan bahawa bahasa dan kesusasteraan merupakan teras utama pembentukan tamadun dan jati diri bangsa.

Menurut beliau, bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga wadah warisan budaya yang mencerminkan pandangan dunia dan identiti penuturnya. Beliau turut menjelaskan hipotesis Sapir-Whorf yang menunjukkan bagaimana struktur bahasa mampu mempengaruhi cara berfikir dan nilai budaya sesuatu masyarakat

Selain itu, beliau menekankan bahawa sastera berperanan sebagai cerminan masyarakat yang merakam kerumitan pengalaman manusia serta menjadi wahana nilai dan aspirasi bangsa. Karya sastera, menurutnya, bukan sahaja menghiburkan, malah mengasah kepekaan intelektual dan moral, seterusnya memperkukuh budaya bernilai tinggi yang berteraskan ilmu, estetika dan kemanusiaan.



Program Pemindahan Ilmu (KTP) - UPSI Perhebat Pembudayaan Inovasi dan Digital di Sekolah, Sokong Agenda Perak Sejahtera 2030

Tanjong Malim - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh peranannya sebagai institusi peneraju pendidikan negara apabila melaksanakan projek "Pemindahan Ilmu ke arah Pembudayaan Inovasi dan Integrasi Teknologi Digital dalam Merealisasi Pelan Perak Sejahtera 2030" melibatkan hampir 70 guru dari dua daerah utama di Perak.

Inisiatif ini menyokong aspirasi negeri untuk menjadikan Perak sebagai Koridor TVET Malaysia serta memperkasa modal insan melalui pendidikan berasaskan inovasi dan teknologi. Program memberi tumpuan kepada pengukuhan kompetensi guru dalam bidang TVET dan STEM selaras dengan pendekatan pembelajaran abad ke-21 dan Dasar Pendidikan Digital Negara.

Seramai 36 guru dari sekolah menengah sekitar Kuala Kangsar serta 33 guru dari SMK Sultan Abdullah, Chenderong Balai, Teluk Intan mengambil bahagian dalam program yang dijalankan menggunakan konsep Training of Trainers (TOT).

Melalui pendekatan ini, guru yang dilatih bukan sahaja meningkatkan kemahiran sendiri malah menjadi jurulatih kepada rakan sejawat di sekolah masing-masing. Program merangkumi empat slot utama iaitu Masa Depan Pendidikan & Impak Kecerdasan Buatan, UPSI Edu-Bus Tour, Integrasi Teknologi Digital dalam Pengajaran, dan Pembelajaran Berasaskan Masalah Mod Campuran. Slot-slot ini memberi pendedahan tentang penggunaan AI dalam pendidikan, inovasi pengajaran serta kaedah pembelajaran bercampur yang semakin menjadi amalan global.

Dapatan soal selidik sebelum dan selepas program menunjukkan peningkatan ketara dalam tiga aspek utama iaitu Ilmu Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap. Peningkatan konsisten ini membuktikan keberkesanan intervensi UPSI serta tahap penerimaan guru terhadap inovasi digital. Program turut memberi impak langsung kepada pelajar melalui pengajaran yang lebih kreatif, interaktif dan berasaskan penyelesaian masalah. Pendedahan kepada teknologi dan

pembelajaran projek membantu pelajar menjadi lebih celik digital, kritis dan bersedia menghadapi cabaran kerjaya masa depan. Bagi UPSI, projek ini memperkukuh reputasinya sebagai pusat pengembangan ilmu TVET dan STEM, di samping membuka ruang kepada penyelidikan lapangan yang lebih mendalam. Pensyarah yang terlibat turut berpeluang menilai keperluan sebenar guru di sekolah bagi penambahbaikan kurikulum latihan perguruan.

Secara keseluruhan, program ini menjadi pemangkin strategik dalam menyokong agenda Pelan Perak Sejahtera 2030 melalui pemerkasaan guru, peningkatan inovasi pengajaran dan pengukuhan hubungan universiti-komuniti.

Penyelidik :

- Dr. Mohd Mokhzani Ibrahim (FSM) - Ketua
- Dr. Muhamad Ikhwan Mat Saad
- Dr. Mohamad Termizi Borhan (FSM)
- Azneezal ArRashid Ramli
- Muhamad Aizuddin Abd. Razak



Majlis Bacaan Ikrar Pelajar Baharu Program Sarjana Muda Saluran Khas Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI



Wacana Pengkisahan Kampung Mogah: Jejak Warisan di Tanjong Malim



Seminar Antarabangsa UPI - UPSI 2025 Perkukuh Jalinan Ilmu dan Kerjasama Serantau



Forum Program YouLead - The Challenges and Hope in Nurturing Young Leaders